

NO. SOALAN: 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH [LENGGONG]**

TARIKH : 26 MAC 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta
PERDANA MENTERI menyatakan:-**

- a. kesan sasaran Wawasan 2020 akibat kejatuhan harga minyak dan nilai Ringgit Malaysia; dan
- b. apakah langkah Kerajaan bagi memastikan segala perancangan sebelum ini berjaya.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejatuhan harga minyak dan nilai Ringgit dijangka tidak akan menjelaskan landasan pertumbuhan jangka panjang ekonomi negara ke arah mencapai Wawasan 2020. Ini adalah kerana kejatuhan harga minyak dan nilai mata wang Ringgit merupakan fenomena jangka pendek. Trend harga minyak kini telah pun menunjukkan tahap pemulihan dan ia dijangka akan meningkat semula ke tahap yang lebih mampan.

Usaha-usaha Kerajaan sejak sekian lama untuk mempelbagaikan asas ekonomi telah mengurangkan pergantungan negara ke atas mana-mana industri dan komoditi. Sistem kewangan dan perbankan yang telah diperkuuhkan untuk menyokong aktiviti ekonomi juga akan memastikan bahawa ekonomi negara dapat bertahan dalam menghadapi ketidaktentuan ekonomi. Di samping itu, dasar fiskal yang berhemah dan monetari yang akomodatif serta langkah proaktif dan pengubahsuaian yang dilaksanakan oleh Kerajaan juga akan mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Kerajaan sememangnya sedang melaksanakan pelbagai langkah bagi memastikan Wawasan 2020 akan tercapai. Pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi yang sedang dilaksanakan di bawah Model Baru Ekonomi dijangka mampu merancakkan lagi pertumbuhan serta meningkatkan potensi

pertumbuhan sektor-sektor ekonomi dan meningkatkan pendapatan per kapita negara secara mampan dan inklusif.

Di samping itu, teras strategi yang sedang dirangka di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 (RMKe-11) yang akan memberi penekanan ke atas peningkatan produktiviti dan inovasi, dijangka mampu melonjakkan pertumbuhan ekonomi ke arah mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Mengambil kira kadar pertumbuhan yang dijangkakan di bawah RMKe-11, pendapatan per kapita akan mencapai paras minimum pendapatan per kapita negara maju sebanyak AS\$15,000 pada masa itu.

Jika dilihat dari aspek ekonomi, negara mampu mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020. Namun, objektif Wawasan 2020 lebih dari sekadar pencapaian dari aspek ekonomi semata-mata. Ia merangkumi pelbagai aspek pembangunan masyarakat, termasuklah pembentukan sebuah masyarakat yang bersatu padu, bermoral dan beretika, liberal dan bertolak ansur, saintifik dan progresif, serta masyarakat yang penyayang dan makmur. Kita perlu mencapai semua matlamat ini sebelum kita boleh menganggap negara kita sebagai sebuah negara maju sepenuhnya.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 26 MAC 2015

RUJUKAN : 7571

SOALAN:

Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan status dan penyelesaian kes Koperal Sirul Azhar Umar yang kini berada di Australia, setelah Mahkamah Persekutuan menjatuhkan hukuman gantung sampai mati.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang dalam proses untuk memulakan rundingan dengan Kerajaan Australia untuk membawa balik Sirul ke Malaysia bagi menjalani hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Persekutuan. Walaupun Malaysia dan Australia mempunyai triti ekstradisi yang telah ditandatangani pada 15 November 2005, namun proses ini memakan masa kerana ia melibatkan isu perundangan yang rumit dan perlu dikendalikan dengan berhati-hati. Selain menyentuh dasar dan undang-undang negara lain, usaha Kerajaan untuk membawa pulang Sirul turut menyentuh isu hak asasi manusia di mana tidak semua negara menyokong pelaksanaan hukuman mati.

SOALAN (31)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 26 MAC 2015
[KHAMIS]**

**DARIPADA : Y.B. DATUK KOH NAI KWONG
[ALOR GAJAH]**

SOALAN :-

Y.B. DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah punca yang menyebabkan isu sampah masih berlaku di negara ini dan apakah punca perancangan Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN:-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu-isu berkaitan sisa pepejal di Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) Pertambahan sisa pepejal yang dijana setiap hari untuk dilupuskan di tapak pelupusan**

Pertambahan sisa pepejal yang dijanana setiap hari untuk dilupuskan iaitu janaan sisa di Malaysia telah meningkat kepada 33,000 tan sehari pada tahun 2013 daripada 19,000 tan sehari pada tahun 2005. Ini bermakna purata pertambahan janaan sisa pepejal setahun secara linear ialah 6.7% di mana lebih tinggi dari purata kadar pertambahan di peringkat global iaitu 3% sahaja.

- (ii) Tahap kesedaran masyarakat yang rendah mengenai keperluan untuk mengamalkan 3R (*reduce, reuse, recycle*)**

Tahap kesedaran masyarakat yang rendah mengenai keperluan untuk mengamalkan 3R di mana kesedaran masyarakat mengenai

amalan kitar semula yang masih rendah. Kadar kitar semula nasional masih rendah iaitu 10.5% sahaja berbanding negara-negara maju yang lain iaitu secara puratanya pada 40%.

(iii) Pembaziran sisa makanan

Pembaziran sisa makanan merupakan salah satu isu pengurusan sisa pepejal di negara di mana Kandungan sisa makanan di dalam sisa pepejal yang dibuang juga adalah tinggi iaitu sebanyak 45% atau 15,000 tan sehari. Daripada jumlah ini, sebanyak 60% atau 8000 tan sehari merupakan pembaziran makanan yang boleh dikurangkan di mana bersamaan dengan sumber bekalan makanan yang boleh diberikan kepada enam juta orang.

(iv) Pembentukan minda dan budaya bangsa ke arah menghargai kebersihan

Pembentukan minda dan budaya bangsa ke arah menghargai kebersihan iaitu negara kita masih lagi menghadapi situasi di mana masyarakat masih belum dapat menghayati budaya menyumbang untuk kepentingan bersama dan memiliki kekayaan moraliti yang setaraf dengan masyarakat minda kelas pertama. Semangat

kesukarelaan dalam kalangan masyarakat yang masih belum memuaskan untuk sama-sama memastikan keadaan persekitaran sentiasa bersih dan indah.

(v) Pembuangan sampah secara merata-rata (*littering*)

Pembuangan sampah secara merata-rata atau *littering* berpunca dari kesedaran sivik yang masih rendah dalam kalangan masyarakat dan beranggapan bahawa bukan menjadi tanggungjawab mereka untuk memastikan kebersihan persekitaran dan menyerahkan tugas tersebut sepenuhnya kepada pihak yang berkuasa dan kepada pihak Kerajaan.

(vi) Tahap *standard* perkhidmatan yang tidak seragam

Tahap *standard* perkhidmatan yang tidak seragam merupakan antara kekangan dalam pengurusan sisa pepejal negara di mana tahap *standard* perkhidmatan yang tidak seragam di antara di negeri yang menerima pakai Akta 672 (Perlis, Kedah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Pahang) dan negeri - negeri lain yang tidak menerima pakai Akta 672.

(vii) Infrastruktur yang belum dapat melengkapi keperluan pengurusan sisa pepejal

Infrastruktur yang belum dapat melengkapi keperluan pengurusan sisa pepejal sebagai contoh kemudahan 3R masih lagi tidak mencukupi dan menyeluruh, tapak untuk membina fasiliti yang terhad dan sukar diperolehi, jangka hayat tapak pelupusan sisa pepejal sedia ada yang semakin berkurangan dan persepsi masyarakat yang tidak menerima fasiliti pelupusan dan pengolahan sisa pepejal yang dibina berhampiran dengan kawasan mereka.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) telah melaksanakan tindakan-tindakan yang strategik untuk mengatasi isu berkaitan pengurusan sisa pepejal di negeri-negeri yang menerima pakai Akta 672 melalui:-

- (i) Pembasmian 851 lokasi sampah yang diselesaikan sepenuhnya pada Jun 2014;

- (ii) Pembersihan 1,701 longkang yang diselesaikan sepenuhnya pada Oktober 2014;
- (iii) Memastikan tahap perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang terbaik yang telah mencatatkan penurunan peratusan penerimaan aduan dalam tempoh sebulan pada kadar 70% bagi tahun 2014 berbanding tahun 2011 iaitu dari 2,183 aduan kepada 650 aduan;
- (iv) Memperkasakan pemantauan secara terperinci di semua kawasan perkhidmatan bagi memastikan tindakan pembersihan dapat diambil dengan kadar segera melalui pelaksanaan **Operasi Mata Helang**;
- (v) Melaksanakan program perintis Bandar Bersih di lima buah bandar iaitu di Langkawi, Pekan, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Rembau dan Muar; dan
- (vi) Melaksanakan Pertandingan Taman Bersih di mana pengiktirafan akan diberikan kepada taman-taman yang memenuhi kriteria pertandingan yang ditetapkan.

SWCorp akan terus memperkasakan peranan dan fungsinya untuk memastikan tahap kebersihan yang terbaik dan seterusnya merealisasikan aspirasi menjadikan Malaysia negara bersih, indah dan sejahtera dengan melaksanakan tindakan-tindakan berikut:-

- (i) Melaksanakan inisiatif-inisiatif berimpak yang selari dengan Dasar Sisa Pepejal Negara;
- (ii) Melaksanakan strategi-strategi seperti yang digariskan di dalam Pelan Strategik SWCorp 2014-2020 yang memberi fokus kepada tujuh teras strategik di mana 5 daripada terasnya adalah untuk memastikan sisa pepejal negara diuruskan secara moden dan mampan iaitu:-
 - Transformasi minda masyarakat supaya bertanggungjawab terhadap kebersihan persekitaran;
 - Pengurusan sisa pepejal ke arah alam sekitar yang mampan;
 - Penambahbaikan perkhidmatan, teknologi dan fasiliti sisa pepejal secara berterusan;
 - Pemerkasaan tindakan penguatkuasaan dan kawal selia; dan
 - Pemerkasaan penyelidikan dan pembangunan

(iii) Melaksanakan strategi-strategi seperti yang digariskan di dalam Pelan Tindakan Komprehensif Pengurusan Sisa Pepejal 2015-2020 yang disediakan khusus untuk mendepani cabaran-cabaran yang dihadapi oleh negara dalam aspek pengurusan sisa pepejal. Pelan ini akan menumpukan 55 strategi untuk menyelesaikan isu-isu dalam bidang pengurusan sisa dari peringkat rekabentuk produk, pengeluaran, pengguna sehingga akhir tempoh hayat produk-produk berkenaan, proses rawatan dan pelupusan. Pengurusan sisa pepejal yang akan diberikan fokus adalah sisa pepejal makanan, sisa pepejal elektrik dan elektronik dan isi rumah berbahaya, sisa plastik, sisa tetrapak, sisa pepejal perindustrian, sisa pepejal pembinaan, sisa pepejal lampin pakai buang dan refused derived fuel (RDF) sebagai sumber bahan api yang boleh diperbaharui.

(iv) Melaksanakan strategi-strategi seperti yang digariskan dalam Pelan Transformasi Minda Masyarakat Ke Arah Negara Bersih, Indah dan Sejahtera yang disediakan oleh SWCorp dan telah dilancarkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 24 Februari 2015. Pelan ini disediakan khusus untuk membentuk minda, sikap dan tabiat serta budaya masyarakat kelas pertama yang bertanggungjawab, memiliki

nilai etika, minda yang progresif dan kesedaran budaya yang tinggi di dalam aspek kebersihan dan keindahan persekitaran serta kelestarian alam sekitar. Beberapa strategi telah dikenalpasti bagi mencapai objektif strategik iaitu:-

- Masyarakat yang melihat secara Mata Hati dan menghargai keperluan memelihara alam sekitar;
- Masyarakat yang menghargai dan mengutamakan kebersihan keindahan persekitaran;
- Masyarakat yang memahami dan menjadikan pengurusan sisa pepejal dan kebersihan persekitaran sebagai tanggungjawab bersama;
- Masyarakat yang membudayakan amalan kebersihan berteraskan kepada nilai-nilai murni dan keagamaan dalam kehidupan seharian;
- Masyarakat yang berdisiplin dan mematuhi peraturan berkaitan dengan kebersihan dan alam sekitar; dan
- Masyarakat yang menghargai sisa sebagai sumber ekonomi, tenaga dan nilai artistik.

- (v) Mengadakan kolaborasi strategik dengan Kementerian, agensi Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berkaitan untuk memastikan aspirasi menjadikan Malaysia negara bersih, indah dan sejahtera dapat direalisasikan;
- (vi) Memperkasakan program-program *engagement* bersama masyarakat untuk memastikan penglibatan, sokongan dan kerjasama semua mereka dalam menjayakan program-program kebersihan yang dilaksanakan seperti aktiviti mendidik masyarakat mengenai littering dan pengasingan sisa di sumber serta amalan 3R; dan
- (vii) Melaksanakan pendekatan-pendekatan yang strategik seperti C4E iaitu *communicate* (berkomunikasi), *educate* (mendidik), *engage* (melibatkan) *empower* (memberi tanggungjawab), dan *enforce* (menguatkuasa) dalam memastikan masyarakat bersama-sama mempunyai rasa tanggungjawab untuk membudayakan amalan kebersihan.